

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

**DARIPADA : DR. NIK MUHAMMAD ZAWAWI BIN HAJI
SALLEH (PASIR PUTEH)**

TARIKH : 26 NOV 2020

SOALAN

DR. NIK MUHAMMAD ZAWAWI BIN HAJI SALLEH [PASIR PUTEH] minta **MENTERI PERUSAHAAN PERLADANGAN DAN KOMODITI** menyatakan apakah perancangan dan persediaan pihak Kementerian bagi menghadapi cubaan untuk mewujudkan halangan dagangan kepada industri minyak sawit negara oleh negara-negara dalam Kesatuan Eropah, yang telah mula melobi untuk menetapkan tahap bahan cemar di dalam minyak sawit menepati tahap 3- *monochloropropane diol* (3-MCPD).

JAWAPAN

Tuan Yang Di-Pertua,

Untuk makluman, Suruhanjaya Eropah (EC) pada 2018 telah mencadangkan penetapan 2 aras maksimum 3-MCPDE (ester 3-monochloropropane-1,2-diol) bagi minyak sayuran dan lemak, iaitu 1.25 *parts per million* (ppm) bagi *soft oil*, serta 2.50 ppm bagi minyak sawit, minyak sayuran dan lemak lain.

Kesatuan Eropah telah mengemukakan notifikasi berkenaan *Regulation* (EC) No. 1881/2006 berkenaan aras maksimum kandungan 3-MCPDE kepada *World Trade Organization* (WTO) pada 24 Februari 2020 dan akan berkuat kuasa 1 Januari 2021.

Oleh itu, sebarang pengeksportan produk sawit ke Kesatuan Eropah perlu mematuhi spesifikasi yang telah ditetapkan. Penetapan aras 3-MCPDE dan GE dijangka akan menjadi ikutan negara-negara

SOALAN NO : 29

pengimport lain. Dalam hal ini, untuk memastikan industri sawit Malaysia bersedia dengan situasi ini, Kementerian melalui MPOB telah mengambil beberapa langkah seperti berikut:

- i) menguatkuasakan syarat tambahan lesen mengenai keselamatan makanan dan minyak sawit berkualiti yang berkuat kuasa mulai 1 Januari 2023. Ia bagi menangani isu bahan cemar makanan iaitu ester 3-monochloropropane-1,2-diol (3-MCPDE) dan ester glisidil (GE). Penetapan tahap maksima 3-MCPDE dan GE bukan sahaja memastikan keluaran minyak sawit negara mencapai piawaian antarabangsa tetapi turut merangkumi pengguna tempatan; dan
- ii) mengadakan kajian saintifik menangani isu berkaitan 3-MCPDE dan GE bermula sejak tahun 2009. Pada tahun 2017, Kerajaan telah memperuntukan dana sebanyak RM50 juta untuk menjalankan kajian di peringkat komersial melibatkan kilang memproses buah sawit dan kilang penapis minyak sawit terpilih. Tujuan utama kajian ini adalah untuk mengenal pasti teknologi yang paling berkesan (dengan harga yang murah dan efektif) dalam menangani bahan cemar klorida yang terkandung dalam minyak sawit mentah. Hasil penyelidikan ini akan dikongsi bersama pemain industri sawit negara melalui siri perbincangan dan seminar.

Lembaga Minyak Sawit Malaysia (MPOB) secara berterusan menjalankan kajian bagi memastikan aras 3-MCPDE dalam minyak sawit Malaysia dapat diturunkan pada masa akan datang.

Sekian, terima kasih.